

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU  
GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai  
pendirian Kementerian terhadap penjualan dan amalan minum arak  
murah di kalangan masyarakat Malaysia. Adakah Kementerian  
bercadang untuk mengubal satu undang-undang baru untuk  
mengawal arak murah yang amat membahayakan kesihatan.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini

penjualan minuman keras adalah dikawal selia melalui perlesenan termasuklah di bawah Seksyen 35 Akta Eksais 1976. Mana-mana pihak yang telah dilesenkan menjual minuman keras kepada pengguna perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Penguatkuasaan dan pemantauan dibawah undang-undang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama agensi berkaitan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi membanteras penjualan arak murah yang membahayakan kesihatan.